

16/8/06

Sungai Duyong dipantau: Exco

MELAKA: Kerajaan negeri sentiasa prihatin terhadap masalah nelayan di Muara Sungai Duyong dan kini membuat pemantauan rapi terhadap kerja mengorek serta mendalamkan muara sungai berkenaan yang sudah pun bermula awal bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian, Yunos Husin, berkata sejumlah RM800,000 akan dibelanjakan bagi mendalamkan muara sungai berkenaan.

Katanya, nelayan yang berpangkalan di muara sungai terbabit perlu bersabar kerana kerja sudah dimulakan dan projek itu perlu mengambil masa.

"Kerajaan faham masalah yang dihadapi nelayan di situ. Cuma kita minta mereka bersabar sedikit kerana sebaik projek itu siap, pulangan yang akan mereka peroleh cukup berbaloi dengan penantian mereka selama ini," katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas laporan Sentral baru-baru ini mengenai keluhan nelayan di situ yang kesal projek mendalamkan muara sungai itu belum dilaksanakan, sedangkan peruntukan sudah lama diluluskan Kerajaan Pusat.

Nelayan di situ mengadu sukar untuk turun ke laut berikutan muara sungai di situ terlalu cetek dan semakin dilitupi selut. Keadaan itu juga menyebabkan bot mereka sering rosak.

Md Yunos berkata, apa juga masalah pasti ada jalan penyelesaiannya dan kerajaan negeri sedang berusaha sedaya upaya untuk membantu nelayan di kawasan berkenaan.

"Kerajaan akan memastikan kese-

jahteraan dan kebajikan nelayan terbabit yang dipindahkan dari Muara Sungai Melaka ke kawasan itu, sentiasa dijaga," katanya.

Nelayan terbabit diarahkan berpindah dari Muara Sungai Melaka ke Muara Sungai Duyong pada November tahun lalu, bagi memberi laluan kepada projek menaik taraf Sungai Melaka.

Pada mulanya, mereka menentang arahan itu, tetapi akhirnya akur apabila dijanjikan pampasan serta jaminan bahawa mereka akan dapat meneruskan kehidupan nelayan seperti biasa.

Md Yunos berkata, sebenarnya bukan pampasan yang telah dijanjikan kerajaan, sebaliknya kerajaan hanya memberikan sagu hati kepada nelayan terbabit.

Setakat ini katanya, kerajaan sudah membayar sagu hati berjumlah RM96,000 kepada nelayan terbabit.

FAKTA NOMBOR

Muara Sungai Duyong

RM800,000

Jumlah dibelanjakan untuk mendalamkan muara sungai

RM96,000

Sagu hati yang dibayar kerajaan